

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 June 2015

Raja Salman mahu lihat kerjasama Arab Saudi-Malaysia terus kukuh

Pertingkatkan hubungan

UM-9/6/2015



■ JEDDAH 7 JUN

RAJA Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al Saud secara peribadi menggambarkan hasrat baginda untuk melihat hubungan negara itu dengan Malaysia dipertingkatkan dalam semua bidang dan dimensi pada masa depan.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selepas menghadap Raja Salman yang juga Penjaga Dua Masjid Suci Arab Saudi di Istana As Salam di sini hari ini.

Sambil menyifatkan pertemuan itu sebagai berjaya dan produktif, Najib berkata, beliau turut melahirkan hasrat melihat Arab Saudi bukan sahaja terus stabil, malah kukuh serta menunjukkan kepimpinan berkesan demi kepentingan penyatuan ummah dan rantau ini.

"Sehubungan itu, kita bersedia terus memainkan peranan dalam konteks untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara termasuk dalam bidang keselamatan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Terdahulu, Najib mengadakan pertemuan sulung dengan Raja Salman kira-kira 45 minit di Istana As Salam dalam rangka kerja selama tiga hari beliau ke negara ini.

Pertemuan itu amat bermakna memandangkan ia merupakan pertemuan sulung dan Najib merupakan antara pemimpin negara terawal yang diundang khas Raja Salman untuk mengadakan pertemuan selepas baginda ditabalkan sebagai Raja Arab Saudi yang baharu Januari lalu.



NAJIB TUN RAZAK berbincang dengan Putera Mohammed Naif Al Saud di Istana As Salam, Jeddah, semalam. - BERNAMA

Selépas menghadap Raja Salman, Najib juga mengadakan pertemuan dengan Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed Naif Al Saud juga di Istana As Salam untuk membincangkan mengenai isu-isu lain ke arah memperkukuhkan hubungan Kuala Lumpur dan Riyadh.

Dalam pada itu, Najib berkata, beliau juga dalam pertemuan dengan Raja Salman menyatakan sokongan terhadap pendirian kerajaan Arab Saudi dalam membantu menyelesaikan krisis di Yemen.

Pada kesempatan sama juga tambahnya, beliau turut berterima

kasih dan melahirkan penghargaan atas bantuan Arab Saudi dalam usaha Malaysia melakukan operasi menyelamat penuntut negara ini yang terperangkap di Yemen.

Sementara itu, Najib berkata, beliau turut memanjangkan jemputan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah terhadap Raja Salman dan Putera Mohammed Naif untuk melakukan lawatan rasmi ke Kuala Lumpur pada masa akan datang.

Sementara itu, dalam lawatan rasmi tiga hari ke negara ini juga, Najib turut berkesempatan menandatangani plak pembukaan

Restoran D'Saji milik Felda di sini, yang dirasmikan dan mula beroperasi pada Mac lalu.

Selain itu, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor juga akan mengerjakan ibadat umrah sebelum pulang ke tanah air pada awal pagi Selasa ini.

Lawatan rasmi beliau kali ini turut disertai Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharum. - UTUSAN